

24 MAY 2002

Mahathir-Ling/I

DR MAHATHIR SANGKAL DAKWAAN BELIAU TAK SUKA LING PIMPIN MCA

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan kononnya beliau tidak lagi mahu Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menerajui MCA.

"Saya tidak pernah kata apa-apa tentang perkara ini. Saya benar-benar berkecuali dalam hal ini," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang sekembalinya daripada lawatan lima hari ke Jepun dan Kotrea Selatan.

Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan kepada anggota MCA untuk menentukan kepimpinan parti mereka.

Perdana Menteri berkata khabar angin itu mungkin disebar oleh mereka yang mempunyai tujuan tidak baik.

"Mungkin ada niat tak baik, saya tidak tahu kenapa,"katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa sebelum ini terdapat cakap-cakap kononnya agenda damai dan kestabilan yang beliau cadangkan untuk MCA tidak mendapat sambutan.

"Keputusan terletak pada diri mereka, bukan saya," kata Perdana Menteri.

Diminta mengulas mengenai sistem pengambilan pelajar ke universiti awam yang heboh diperkatakan oleh pelbagai pihak kebelakangan ini, Dr Mahathir berkata kerajaan sedia mendengar dan menimbang cadangan orang ramai mengenai sistem yang mereka inginkan.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga sedia menggunakan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) sebagai peperiksaan tunggal untuk menentukan kemasukan pelajar ke universiti awam sekiranya itulah yang menjadi pilihan rakyat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, sekiranya mereka berbalah pendapat mengenai sistem yang patut digunakan, kerajaan sendiri akan membuat keputusan mengenainya.

Ditanya tentang konflik antara India dan Pakistan yang mungkin membawa kepada peperangan, Perdana Menteri berkata beliau berpendapat kedua-dua negara berkenaan akan sentiasa berada di ambang peperangan yang berpunca daripada Kashmir melainkan masalah itu dapat diselesaikan secara muktamad.

Katanya, perkara itu sepatutnya dibawa kepada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk diselesaikan.

"Masalah-masalah pertikaian antara negara-negara termasuk Palestin dan Israel perlu diselesaikan oleh UN," katanya.

-- BERNAMA

MAD MFJ SP MAI